

Headline	GLC perlu lebih prihatin soal rakyat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	22
ArticleSize	92 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,690		



GLC perlu lebih prihatin soal rakyat

Kuala Lumpur: “Jangan terlalu pentingkan prestasi kewangan semata-mata, sebaliknya tumpukan kepada tanggungjawab kepada rakyat.”

Itu reaksi Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebagai mengulas kenaikan tarif elektrik yang menimbulkan reaksi kurang senang di kalangan rakyat.

Menyifatkan ia sebagai kenaikan yang tidak setara dengan keuntungan Tenaga Nasional Berhad (TNB), beliau berkata, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu perlu prihatin dengan mengutamakan rakyat yang terpaksa menanggung beban akibat kenaikan yang diumumkan, baru-baru ini.

“Sekarang rakyat dan komuniti perniagaan pula mengeluh mengenai tarif

elektrik yang akan naik awal tahun depan. Namun, kita difahamkan peningkatan ini bukan sekadar untuk menampung peningkatan harga bahan api tetapi menambah laba keuntungan TNB yang berbilion ringgit jumlahnya,” katanya.

Ketika menggulung perbahasan Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO, semalam, Khairy berkata, bermula tahun depan, satu siri jelajah akan diadakan ke seluruh negara untuk berjumpa dengan semua ahli sayap itu dan mendengar sendiri masalah mereka.

“Kita akan jelajah juga institusi pengajian tinggi, kolej dan universiti untuk mendampingi golongan muda sekali gus menarik mereka menyertai UMNO,” katanya.